



**PANDUAN PELAKSANAAN DAN SYARAT PENTAULIAHAN
SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB)
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA BERASASKAN
STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN**

(PERSONEL PENTAULIAHAN)

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.**

**1 OGOS 2019
(DIKEMASKINI 1 APRIL 2025)**

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	3
2. TAFSIRAN	3
3. SENARAI RINGKASAN	5
4. PERSONEL PENTAUERAN	6
5. TARikh BERKUATKUASA	11

1.0 PENDAHULUAN

Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentaulahan Sistem Latihan Pusat Bertaualiah (SLaPB) di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (Personel Pentaulahan) ini dibangunkan bagi memudahkan Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) dan Pusat Bertaualiah (PB) merujuk peranan, tanggungjawab dan kriteria Personel Pentaulahan di bawah pelaksanaan SLaPB.

Panduan ini terpakai akan dibaca bersama untuk semua panduan-panduan yang telah dibangunkan di bawah pelaksanaan SLaPB.

2.0 TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

“Akta 652” ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;

“Daftar Standard” ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diwujudkan di bawah Akta 652;

“Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee, TAC*)” ertinya jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil industri bidang berkenaan, Pengurus Pusat Bertaualiah dan Pegawai Pengesah Dalaman,

“kelayakan” ertinya apa-apa pengalaman kerja dalam bidang kemahiran tertentu atau apa-apa sijil, diploma, ijazah yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

“Ketua Pengarah” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

“kurikulum” ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya.

“pakej pembelajaran” ertinya dokumen latihan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Standard

“Panel Penilaian Pusat Bertaualiah (PPPB)” ertinya satu jawatankuasa yang terdiri daripada personel tertentu PB dengan diketuai oleh PPB untuk memastikan keberkesanan dan kesahihan penilaian yang dilakukan;

“Pegawai Pengesah Dalaman” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan/penentusahan dalaman hanya di pusat bertaualiah yang ditetapkan;

“Pegawai Penilai” ertinya personel di pusat bertauliahan yang memenuhi kelayakan dan diperakui oleh Ketua Pengarah untuk mengajar dan menilai keterampilan pelatih di pusat bertauliahan yang ditetapkan;

“Tenaga Pengajar” ertinya personel di pusat bertauliahan yang memenuhi kelayakan dan diperakui oleh Ketua Pengarah untuk mengajar pelatih di pusat bertauliahan yang ditetapkan;

“Pegawai Pengesah Luaran” ertinya seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusan luaran di pusat bertauliahan;

“Pengurus Pusat Bertauliahan” ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliahan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan;

“personel pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliahan, pegawai pengesah dalaman atau pegawai penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan.

“pihak berkuasa” ertinya mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengesahkan sesuatu premis adalah sah di sisi undang-undang dan selamat untuk menjalankan latihan kemahiran;

“program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk latihan, penginapan dan kemudahan lain untuk pelatih dan kakitangan penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliahan tetapi tidak termasuk mana-mana tanah yang didudukinya;

“program bertauliahan” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“Pusat Bertauliahan” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliahan sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34 Akta 652;

“Pengajar” ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi latihan kemahiran dan membimbing, menyelia dan menilai kebolehan seseorang pelatih untuk mengasimilasikan aspek teori dan amali latihan itu;

“Sijil Teknik Mengajar” ertinya sijil kelayakan yang dikeluarkan oleh Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan;

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) (National Occupational Skill Standard, NOSS)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

“subsektor” ertinya pecahan bidang kemahiran dalam sesuatu sektor merujuk kepada Daftar Standard yang terkini;

“tahap” ertinya tingkatan kemahiran dalam satu bidang pekerjaan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;

“Personel Sepenuh Masa” ertinya personel yang bekerja di satu-satu Pusat Bertauliahan (PB) 20 jam atau lebih seminggu;

“Personel Separuh Masa” ertinya personel yang bekerja di satu-satu Pusat Bertauliahan (PB) kurang daripada 20 jam seminggu;

3.0 SENARAI RINGKASAN

DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
LI	Latihan Industri
KAPPK	Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	Pusat Bertauliahan
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	Pegawai Penilai
PPB	Pengurus Pusat Bertauliahan
PPD	Pegawai Pengesah Dalaman
SKM 1	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
SKM 2	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
SKM 3	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
TP	Tenaga Pengajar

4.0 PERSONEL PENTAUAN

Mana-mana PLK yang memohon pentaualahan hendaklah melantik personel pentaualahan yang terdiri daripada Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP). PP perlu dilantik bagi setiap program manakala PPD pula dilantik mengikut subsektor.

PLK yang telah ditauliahkan hendaklah memastikan personel pentaualahan mengemukakan permohonan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaualahan secara atas talian (*online*).

4.1 Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)

4.1.1 Peranan dan tanggungjawab

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Menjadi pegawai perhubungan di antara JPK dan PB;
- c. Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan JPK berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- d. Memastikan segala program yang ditawarkan menepati keperluan NOSS terkini;
- e. Melantik PPD hanya bagi subsektor yang berkaitan pada satu-satu masa sahaja;
- f. Melantik PP hanya bagi satu program/tahap pada satu-satu masa sahaja; dan
- g. Melantik TP bagi membantu PP dalam melaksanakan latihan kemahiran.
- h. Mengambil tindakan susulan terhadap komen dan cadangan penambahbaikan berterusan.

4.1.2 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau penduduk tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan;
- d. Berkhidmat di satu PB sahaja; dan
- e. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB.

4.2 Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)

4.2.1 Peranan dan tanggungjawab

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran di dalam kelompok sektor kemahirannya;
- b. Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di PB;

- c. Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak NOSS terkini; dan
- d. Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut kehendak NOSS dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh JPK.
- e. PPD boleh mengajar dan berperanan sebagai PPD pada masa yang sama.

4.2.2 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau penduduk tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Berkhidmat di satu PB sahaja;
- d. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB; dan
- e. Memiliki :
 - i. SKM dalam mana-mana bahagian yang berkaitan pada satu tahap yang lebih tinggi atau tertinggi untuk mengesahkan penilaian program bertauliah bagi program tahap 1 dan tahap 2;
 - ii. SKM/DKM/DLKM dalam subsektor yang berkaitan pada tahap yang sama atau lebih tinggi untuk mengesahkan penilaian program bertauliah bagi tahap 3 ke atas;
 - iii. Diploma dengan dua tahun pengalaman kerja dalam subsektor yang berkaitan untuk mengesahkan penilaian program bertauliah untuk DKM;
 - iv. Ijazah dengan dua tahun pengalaman kerja dalam subsektor yang berkaitan untuk mengesahkan penilaian program bertauliah untuk DKM/DLKM; atau
 - v. Mana-mana kelayakan kemahiran berkaitan yang diluluskan oleh KPPK dengan sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman kerja yang berkaitan seperti di Lampiran 1.

4.3 Pegawai Penilai (PP)

4.3.1 Peranan dan tanggungjawab

- a. Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD;
- b. Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan NOSS terkini;
- c. Pengajaran dan penilaian pelatih:
 - i. **PP dengan kelayakan SKM/DKM/DLKM** boleh mengajar dan menilai pelatih untuk sebahagian atau semua CU dengan kebolehpercayaan, telus dan sahih

- ii. **PP dengan kelayakan PC** boleh mengajar dan menilai pelatih untuk CU berkaitan sahaja dengan kebolehpercayaan, telus dan sahih.
- d. Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan.
- e. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan; dan
- f. Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan.
- g. Menyelia dan membimbing TP

4.3.2 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau penduduk tetap;
- b. Berumur sekurang 18 tahun;
- c. Kombinasi Lantikan PP adalah sebagaimana jadual 1, jadual 2 dan jadual 3. (rujuk lampiran)
- d. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB;
- e. PP hanya dibenarkan berkhidmat di satu PB sahaja dalam satu-satu masa, di PB kedua personel ini boleh dilantik sebagai TP (rujuk lampiran 3)
- f. Bagi bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan seperti di Lampiran 2; dan Memiliki :
 - i. SKM dalam program yang berkaitan pada satu tahap yang lebih tinggi atau tertinggi untuk mengendalikan penilaian program bertauliahan bagi program tahap 1 dan tahap 2;
 - ii. SKM/DKM/DLKM dalam program yang berkaitan pada tahap yang sama atau lebih tinggi untuk mengendalikan penilaian program bertauliahan bagi tahap 3 ke atas;
 - iii. Diploma dengan dua tahun pengalaman kerja dalam program yang berkaitan untuk mengendalikan latihan dan penilaian program bertauliahan untuk DKM;
 - iv. Ijazah dengan dua tahun pengalaman kerja dalam program yang berkaitan untuk mengendalikan latihan dan penilaian program bertauliahan untuk DKM/DLKM; atau
 - v. Mana-mana kelayakan kemahiran berkaitan yang diluluskan oleh KPPK dengan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja yang berkaitan seperti di Lampiran 1.

dan

- i. Sijil Kemahiran Malaysia dalam program Pegawai Latihan Vokasional (I-031-3); atau
- ii. Mana-mana Sijil Teknik Mengajar yang diiktiraf oleh KPPK.

**4.4 Pegawai Penilai - Pegawai Latihan Vokasional
(Khusus untuk permohonan program Pegawai Latihan Vokasional [I-031-3],
Eksekutif Latihan Vokasional [I-031-4] dan Pengurus Latihan Vokasional [I-031-5])**

4.4.1 Peranan dan Tanggungjawab

- a. Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD;
- b. Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan NOSS terkini;
- c. Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan berkesan, telus dan sahih;
- d. Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan;
- e. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan;
- f. Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan;
- g. Melaksanakan pemantauan terhadap prestasi *intern* semasa *internship*;
- h. Menilai dan mengesahkan bukti-bukti dalam buku log *intern* semasa lawatan;
- i. Mengatur lawatan verifikasi luaran sebelum *intern* menamatkan *internship*; dan
- j. Mengambil tindakan penambahbaikan berterusan.

4.4.2 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau penduduk tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Berkhidmat di satu PB sahaja;
- d. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB; dan
- e. Syarat kelayakan PP program VTO/VTE/VTM adalah seperti berikut :
 - i. SKM 3 program VTO dengan pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun mengajar program VTO atau lima (5) tahun mengajar mana-mana bidang kemahiran untuk mengesahkan penilaian program VTO.
 - ii. DKM program VTE dengan pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun mengajar program VTE atau lima (5) tahun menyelia dan mengurus kemahiran untuk mengesahkan penilaian program VTE.
 - iii. DLKM program VTM dengan pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun mengajar program VTM atau lima (5) tahun menyelia dan mengurus kemahiran untuk mengesahkan penilaian program VTM.

4.5 Pegawai Pengesah Dalaman - Pegawai Latihan Vokasional

4.5.1 Peranan dan tanggungjawab

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran didalam bidang metodologi latihan;
- b. Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di PB;
- c. Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak NOSS terkini;
- d. Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut kehendak NOSS dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan;
- e. Melaksanakan pemantauan terhadap prestasi *intern* semasa *internship*;
- f. Menilai dan mengesahkan bukti-bukti dalam buku log *intern* semasa lawatan;
- g. Mengatur lawatan verifikasi luaran sebelum *intern* menamatkan *internship*; dan
- h. Mengambil tindakan penambahbaikan berterusan.

4.5.2 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau penduduk tetap ;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Berkhidmat di satu PB sahaja;
- d. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB;
- e. Syarat kelayakan PPD program VTO/VTE/VTM adalah seperti berikut :
 - i. SKM 3 program VTO dengan pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun mengajar program VTO atau lima (5) tahun mengajar mana-mana bidang kemahiran untuk mengesahkan penilaian program VTO.
 - ii. DKM program VETI / VTE dengan pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun mengajar program VETI / VTE atau lima (5) tahun menyelia dan mengurus kemahiran untuk mengesahkan penilaian program VETI / VTE.
 - iii. DLKM program VETM / VTM dengan pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun mengajar program VETM / VTM atau lima (5) tahun menyelia dan mengurus kemahiran untuk mengesahkan penilaian program VETM / VTM.

4.6 Tenaga Pengajar (TP)

4.6.1 Peranan dan tanggungjawab

- a. Mengajar pelatih dengan kebolehpercayaan, telus dan sahih;
- b. Mematuhi arahan yang ditetapkan oleh PP

4.6.2 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB;
- d. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
- e. Mana-mana program yang terlibat dengan agensi penguatkuasaan atau badan pelesenan, perlu mematuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh pihak berkaitan.

5.0 TARIKH BERKUATKUASA

Panduan ini berkuat kuasa pada **1 April 2025**. Dengan berkuat kuasanya Panduan ini, panduan-panduan berikut adalah dibatalkan:

- i. Panduan dan Peraturan-Peraturan Pentaulahan Persijilan Kemahiran Malaysia 2005 (MLVK/T/1001(P4)) bertarikh 02 Februari 2005;
- ii. Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulahan (PPKSPP) di Pusat Bertauliah 2017

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Jabatan
Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber
Manusia**

1 April 2025